

Dr M mahu Wanita utama agenda parti

BH 18 MAY 2000

PWTARAJAYA, Rabu – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta ahli Wanita Umno merapatkan semula barisan di bawah kepemimpinan baru pergerakan itu dan mengutamakan agenda parti serta negara.

Perdana Menteri yang membuat gesaan itu dalam pertemuan dengan Exco Wanita Umnoq hari ini, berkata semua ahli tidak seharusnya memberi tumpuan terhadap hal individu atau Wanita Umno, tetapi agenda parti dan negara.

Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata dalam pertemuan tiga jam itu, Dr Mahathir turut menaruh harapan tinggi kepada ahli pergerakan berkenaan bagi meyakinkan masyarakat mengenai kewibawaan Umno.

“Kita ada dialog dan Exco membangkitkan banyak soalan, termasuk mengenai masalah luar bandar, isu Bumiputera, ekonomi, politik dan isu berkaitan agenda negara.

“Dr Mahathir memberi nasihat sebagai presiden parti dan ini dapat memberi semangat kepada Exco dan Ketua Wanita negeri agar bekerja dengan lebih tekun,” katanya kepada pemberita selepas pertemuan itu.

Rafidah yang gembira kerana Perdana Menteri memperuntukkan masa yang lama dalam pertemuan itu, berkata Dr Mahathir mahu semua ahli pergerakan itu menjelaskan kepada rakyat mengenai usaha Umno dan Barisan Nasional (BN) membangunkan masyarakat dan negara.

“Penjelasan ini penting supaya ahli dapat terima 100 peratus Exco kita di samping mengelak pihak tertentu cuba memecahbelahkan parti,” katanya sambil menambah isu mengenai bekas Ketua Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman tidak dibangkitkan langsung dalam pertemuan itu.

Mengenai hutang yang ditinggalkan oleh bekas pemimpin pergerakan itu, Rafidah berkata beliau hanya mengetahui perkara itu menerusi Pengemsi Eksekutif Kumpulan Rashid Hussain Bhd, Tan Sri Abdul Rashid Hussain.

“Rashid Hussain yang beritahu. Tanyalah dia. Sekarang bukan cerita nak ungkit sesiapa,” katanya.

Rafidah hari ini dilaporkan meminta Wanita Umno menyerahkan akaunnya untuk diteliti berikutan dakwaan pergerakan itu mempunyai hutang berjumlah lebih RM1.3 juta.